

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW  
[ WANGSA MAJU ]**

**SOALAN NO. 457**

**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [ Wangsa Maju ] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan :-**

- (a) statistik penjaja dan peniaga kecil sedia ada / berdaftar di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ; dan
- (b) dasar-dasar penjaja yang baru terutama bagi penjaja pasar malam yang diimplementasikan oleh Kerajaan dan apakah pelan tindakan untuk menaik taraf penjaja supaya mereka tidak dipinggirkan Kerajaan.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Yang Berhormat Wangsa Maju,

- a) Statistik Penjaja dan Peniaga Kecil Sedia Ada/Berdaftar di WPKL yang aktif sahaja.

| JENIS LESEN          | JUMLAH       |
|----------------------|--------------|
| BAZARIA LARUT MALAM  | 242          |
| FOOD TRUCK           | 162          |
| GERAI BERKUNCI       | 113          |
| GERAI TEPI JALAN     | 6043         |
| KIOSK                | 62           |
| PASAR BERBANGUNAN    | 6063         |
| PASAR BORONG         | 450          |
| PASAR MALAM          | 13311        |
| PASAR TERBUKA        | 3275         |
| PENJAJA BEREDAR      | 84           |
| PERMIT SEMENTARA     | 120          |
| PUSAT PENJAJA DBKL   | 1462         |
| PUSAT PENJAJA SWASTA | 432          |
| <b>JUMLAH</b>        | <b>31819</b> |

- b) Dasar penjaja pasar malam:-

### 1. Transformasi Pasar Malam Kuala Lumpur

Objektif :

- i. Meningkatkan imej dan kualiti pasar malam di Kuala Lumpur;
- ii. Menjadikan pasar malam sebagai daya tarikan pelancong;
- iii. Mewujudkan persekitaran perniagaan yang bersih. Indah, teratur dan selamat;
- iv. Memberikan keselesaan dan membawa suasana kondusif kepada semua pihak;
- v. Memberi impak kepada masyarakat sekitar;
- vi. Mengawal dan mengekang peniaga haram; dan
- vii. Membentuk peniaga yang lebih berdisiplin dan bertanggungjawab serta mematuhi undang-undang.

Kaedah Pelaksanaan :

- i. Penyediaan 'SOP' pasar malam;
- ii. Mesyuarat@ engagement bersama penganjur dan penjaja;
- iii. Pemutihan lesen dan data penjaja; dan
- iv. Pemantauan dan tindakan penguatkuasaan.

**2. Pelan Tindakan naik taraf penjaja Pasar Malam**

Pengukuhan "SOP" Pasar Malam :

- i. Pindaan dan penambahbaikan SOP Pasar Malam;
- ii. Pengesahan SOP dan Pelan Tindakan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan; dan
- iii. Edaran SOP kepada semua penganjur untuk makluman dan rujukan;

Keseragaman dan Kebersihan Lokasi Perniagaan :

- i. Penggunaan kanopi yang sama warna (kuning) dan alas meja di setiap lokasi Pasar Malam Kuala Lumpur;
- ii. Mewajibkan penganjur menyediakan tong/bekas sampah yang mencukupi bagi kegunaan pengunjung;
- iii. Pelupusan Sendiri Sisa Makanan/sampah bagi penjaja makanan, buah-buahan, sayur dan ikan; dan
- iv. Pembersihan dilaksana sebaik sahaja perniagaan tamat.

Pematuhan penguatkuasaan dan keselamatan :

- i. Memantapkan Pengurusan Penganjuran oleh penganjur;
- ii. Membuat rutin / rondaan beruniform bersama penganjur (Jadual rutin);
- iii. Pertingkatkan kawalan keselamatan - Melantik anggota RELA; dan
- iv. Dikenakan tindakan kompaun atas kesalahan yang dilakukan.